

INTI dijanjikan untung RM5.7j ambil alih MCSB

KUALA LUMPUR 2 Jun - INTI Universal Holdings Bhd. (INTI), yang merancang untuk mengambilalih Metropolitan College Sdn. Bhd. (MCSB) telah dijanjikan keuntungan RM3 juta pada akhir bulan ini dan RM5.7 juta hujung tahun ini.

Pengarah Urusan INTI, Tan Yew Sing berkata, syarikat pengurus kolej swasta terkemuka tempatan itu ketika ini sedang dalam proses pengambilalihan MCSB yang dijangka selesai akhir tahun ini.

"Mereka (MCSB) telah menjanjikan keuntungan RM3 juta pada akhir Jun ini dan 5.7 juta menjelang akhir tahun," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas majlis menandatangani perjanjian usaha sama antara INTI dan Resorts World Bhd. bagi penubuhan Kolej Antarabangsa Genting INTI (KAGI) di sini hari ini.

Turut hadir ialah Pengarah Eksekutif Perhubungan Awam dan Sumber Manusia Resorts World, Tan Sri Alwi Jantan. INTI bercadang mengambilalih MCSB yang terlibat mengendalikan kolej di Subang Jaya untuk harga pertimbangan RM37 juta.

Mengulas perjanjian hari ini, beliau berkata, kepakaran INTI dalam bidang pendidikan tinggi dan vokasional bersama kepakaran Kumpulan Genting dalam sektor riadah dan hiburan berupaya membentuk kombinasi terbaik bagi kemajuan KAGI.

Menurutnya, di peringkat permulaan ini sejumlah RM3 juta akan dilabur secara sama rata oleh kedua-dua pihak untuk meningkatkan taraf KAGI yang sebelum ini dikenali sebagai Kolej Antarabangsa Genting (KAG).